

14/12/1998

Rakyat mesti pertahan kemerdekaan

CAMPUR tangan asing tidak diperlukan di negara ini kerana Malaysia mampu melaksanakan tanggungjawab itu dengan lebih baik dan berkesan, kata Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

"Kita tidak memerlukan negara maju untuk mencorak negara kita untuk menjadi seperti mereka kerana negara mereka jauh dari sempurna.

"Walaupun kerdil, kita berani, yakin dan kuat mempertahankan apa yang kita percaya betul dan terbaik untuk kita," katanya menyokong usul tergepar yang dibentangkan Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein.

Beliau berkata, sejarah, termasuk titik hitam yang dialami negara berupaya mencorak sistem, budaya dan pemerintahan negara.

Menurutnya, selepas 41 tahun merdeka, adalah mustahil jika tiada perubahan yang dilalui baik dari segi dasar Umno dalam pelaksanaan kerajaan mahupun sistem dan pendekatan corak pemerintahan serta perundangan dan penguatkuasaan.

"Sejarah selalu mengajar kita sebagai asas panduan masa depan. Semua negara mempunyai titik hitam yang mencorak sistem, budaya dan pemerintahan sesebuah negara, termasuk Malaysia," katanya.

Beliau berkata, kecekapan sistem pemerintahan negara, yang diterajui Presiden dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mampu mewujudkan kemufakatan pada rakyat pelbagai bangsa, budaya, agama dan bahasa.

Sehubungan itu, Dr Zaharah merayu setiap ahli Umno dan rakyat untuk terus mempertahankan tanpa ragu-ragu kekuatan bangsa Melayu dan bangsa Malaysia.

"Kita jangan lupa perkara baik yang dinikmati negara adalah hasil ketajaman fikiran dan tindak-tanduk Dr Mahathir, lambang kepemimpinan kita yang sengaja di selewengkan Barat dan media asing dengan tujuan untuk memperkecilkan pencapaian, kebolehan dan daya tahan politik negara," katanya.

Beliau berkata, setiap ahli Umno dan rakyat Malaysia harus ingat sebarang campur tangan Barat dalam hal-ehwal dalaman negara adalah satu bentuk penjajahan baru.

Berbanding dahulu, yang mana penjajahan Barat dapat dilihat melalui ketenteraan, penjajahan era baru ini lebih sukar untuk dikenalpasti.

"Ia dilaksanakan secara halus sehingga kita tidak menyedarinya...tahu-tahu, mata wang didagang teruk, pasaran saham jatuh dan nilai mata wang kita sukar dipertahankan di pasaran antarabangsa.

"Sehubungan itu, bagi menangani penjajahan ini, kita perlu setia dengan dokongan Melayu yang adil, yang diperjuangkan Umno. Jangan kita terperangkap dengan kancah perpecahan yang dicetus Barat sehingga terhakis perjuangan asal Umno," katanya.

Dr Zaharah juga menyatakan sokongan padu Wanita Umno terhadap Dr Mahathir dengan pesanan: "Sir, keep steady. We are in the right track and in control of the situation." (Tuan, teruskan. Kita dilandaskan yang betul dan dapat mengawal keadaan)

"Teruskan perjuangan kepemimpinan Umno sehingga ke alaf 2000. Datuk Seri tidak akan keseorangan kerana kita semua akan bersama Datuk Seri."

(END)